

25/10/2001

Tuntutan Filipina berasaskan politik

AWAL-AWAL lagi, hasrat Filipina untuk mencelah dalam perbicaraan kes tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), menyelitkan niat lebih besar. Tanpa ingin turut serta dalam perebutan Malaysia dan Indonesia terhadap kedua-dua pulau terbabit, umum mengetahui Filipina sekadar menyerlahkan agendanya dalam meneruskan tuntutan terhadap Sabah. Namun, keputusan ICJ, Selasa lalu, tidak syak lagi memberi tamparan hebat kepada kerajaan pimpinan Gloria Macapagal Arroyo. ICJ bukan saja memutuskan Filipina tidak boleh campur tangan dalam pertikaian membabitkan Malaysia dan Indonesia, malah keputusan itu turut dilihat menjejaskan saki-baki peluang Filipina dalam tuntutannya terhadap Borneo Utara yang meliputi Sabah.

Rumusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Julai lalu, bahawa Manila sekadar ingin menanggung di air keruh dengan cuba mencelah dalam perbicaraan itu ternyata amat bertepatan. Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berhujah bersandarkan fakta, termasuk menubuhkan sebuah badan khas bagi mengkaji serta mengumpul bukti yang menyokong tuntutan negara. Sebaliknya, Filipina secara terang-terangan mendakwa Borneo Utara adalah haknya sejak Kesultanan Sulu menyerahkan kedaulatan wilayahnya kepada negara itu pada 1962. Maka, tiada silapnya sebarang andaian bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah berasaskan kepentingan politik semata-mata dan tiada kaitan dengan undang-undang. Lagipun, apa yang berlaku di Manila pada 1962 tiada kaitan dengan persoalan sama ada Pulau Ligitan dan Sipadan milik Malaysia atau Indonesia.

Syabas diucapkan Duta Khas, Tan Sri Abdul Kadir Mohamed, ejen Malaysia dalam perbicaraan di The Hague, Belanda, Jun lalu, selain delegasi pimpinannya yang turut dianggotai Duta Malaysia ke Belanda, Datuk Noor Faridah Ariffin, Peguamcara Negara, Datuk Heliliah Yusof serta sekumpulan peguam bela berpengalaman. Atas kebijaksanaan merekalah, Malaysia memiliki kekuatan hujah sehingga panel hakim memutuskan 14-1 dalam menolak permohonan Filipina. Mereka yang mengikuti prosiding perbicaraan itu harus menyedari pelbagai helah dan tipu daya digunakan oleh delegasi Filipina, termasuk cuba mengelirukan fakta sejarah dan undang-undang. Namun, kecekapan Abdul Kadir dan delegasinya berjaya mematahkan apa saja hujah lawan.

Tindakan Filipina memohon mencelah kes tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan itu turut bercanggah dengan janji bekas Presiden Ferdinand Marcos untuk menggugurkan tuntutan negara itu ke atas Sabah ketika mesyuarat Ketua-Ketua Negara Asean pada 1977. Lagipun, sejak kurun ke-19, Borneo Utara tidak pernah berada di bawah pemerintahan Filipina atau kesultanan dari negara itu. Sebaliknya, pemilikan Malaysia ke atas Borneo Utara disahkan melalui penerimaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap hak itu yang menjadi hasrat rakyat Sabah sendiri. Lebih daripada itu, tuntutan Filipina ke atas Sabah bukan berasaskan kepada sebarang treti. Ia juga bukan berdasarkan kepada Protokol 1885 atau Konvensyen 1930.

Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan memastikan keadaan itu kekal untuk selama-lamanya. Seiring dengan itu juga, adalah wajar hak ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan dipertahankan habis-habisan. Kita harapkan keputusan ICJ, Selasa lalu, dapat menghantar mesej berkenaan dengan jelas, baik kepada Filipina mahupun Indonesia.

(END)